



BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM  
JABATAN KEJURUTERAAN  
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH


## KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dari CIDB, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dari CIDB, **Sijil Taraf Bumiputera** dari PKK dan berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Temerloh (MPT)** dalam tahun **2023** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :

| BIL | BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA  | HARGA BORANG SEBUTHARGA | TEMPAT DAN TARIKH BORANG DIJUAL  | SYARAT PENDAFTARAN                     | TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK | TARIKH TUTUP SEBUTHARGA                    |
|-----|---|-------------------------|--|--|---------------------------------------|--|
| 1.  | Membina Baru 10 Unit Kiosk di hadapan BS Temerloh, Jalan Tok Muda Awang Ngah, Bandar Temerloh, MP Temerloh. (MPT:S-21/2023) | RM 50.00                | Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh | Gred G1 Kategori CE Pengkhususan, CE21 | Tiada                                 | 27.06.2023 (Selasa)<br>Jam 12.00 Tengahari |
| 2.  | Membina Baru 10 Unit Kiosk di hadapan Padang Awam, Bandar Mentakab, MP Temerloh. (MPT:S-22/2023)                            | RM 50.00                | 21.06.2023 - 26.06.2023 ( Pada waktu pejabat )                                 |  |                                       |  |

2. Borang Sebutharga boleh disemak di **Kaunter Berpusat, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh**, pada waktu pejabat bermula **21 Jun 2023 (Rabu)**.
3. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan borang sebutharga dengan hadir sendiri serta membawa Sijil Asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** dan **Sijil Pendaftaran SSM** berserta nombor telefon yang boleh dihubungi semasa membeli borang sebutharga.
4. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau wang pos atau wang kiriman sebanyak sepertimana di atas dan atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Temerloh**.
5. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis tajuk kerja di sudut kiri atas dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Temerloh, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh** pada **27 Jun 2023 (Selasa)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
6. Sebarang Kelewatan menghantar borang sebutharga **melebihi Jam 12.00 Tengahari** tidak akan dilayan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

  
(HAJI MUHAMMAD BIN MOHD. NOR, AMP.)  
Setiausaha  
b.p Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Temerloh.

- s.k
- i) Tuan Yang Dipertua
  - ii) Pengarah Jabatan Korporat & Perhubungan Awam
  - iii) Ketua Bahagian Sistem Maklumat
- Untuk makluman
  - Untuk dimasukkan ke dalam Facebook MPT
  - Untuk dimasukkan ke dalam laman web MPT

Bertarikh : **20 Jun 2023**